



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING 3/98

Menggunakan Nama Juruukur Bahan

Tuan/Puan,


1. Kebelakangan ini, didapati banyak syarikat dan firma telah mengiklankan jawatan "Juruukur Bahan" serta melantik pegawai syarikat dengan panggilan "Juruukur Bahan" walaupun tidak berdaftar secara penuh atau sementara dengan Lembaga dibawah Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 fasal 10.
2. Lembaga ingin memaklumkan bahawa dibawah Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 fasal 7 hanya mereka-mereka yang berdaftar dengan LJBM sahaja samada pendaftaran penuh atau sementara layak dipanggil atau diberi jawatan atau tanggungjawab sebagai Juruukur Bahan. Oleh yang demikian, adalah menjadi kesalahan kepada firma-firma/syarikat untuk melantik pegawai mereka dengan panggilan "Juruukur Bahan" sekira mereka tidak berdaftar dengan LJBM. Firma-firma dan syarikat adalah dinasihatkan untuk memastikan pegawai yang mereka ambil bekerja sebagai Juruukur Bahan adalah berdaftar dengan LJBM.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



Mohamed bin Gading
Yang Di Pertua
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

Tarikh: 9.6.1998